

13 APR 2002

Mahathir-Vasakhi

DR MAHATHIR DAN ISTERI UCAP SELAMAT HARI VASAKHI

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini mengucapkan selamat menyambut Hari Vasakhi kepada masyarakat Sikh di Malaysia.

Dr Mahathir dalam perutusannya berkata Malaysia sangat bertuah kerana komposisi rakyat yang berbilang kaum dengan agama dan adat resam tidak menjadi masalah.

"Sebaliknya kita dapat menyambut bersama pelbagai perayaan. Ini membuatkan rakyat dan negara kita kaya dengan budaya yang mengkagumkan orang asing yang tidak pernah tahu kaum-kaum yang berlainan boleh hidup bersama dengan aman," katanya.

Menurut beliau dengan kepelbagaian itu juga, rakyat dapat memupuk sifat hormat-menghormati yang mendalam terhadap budaya dan adat resam yang berlainan antara kaum.

Persefahaman itu juga katanya telah menjadikan rakyat Malaysia sebagai satu masyarakat yang mempunyai daya toleransi yang tinggi yang sememangnya telah banyak menyumbang kepada kejayaan negara.

"Tidak banyak negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya yang dapat berada dalam keadaan aman dan tenteram. Biasanya keadaan begitu tidak stabil sehingga kemajuan sukar dicapai," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa walaupun majoriti penduduk Malaysia beragama Islam, kaum-kaum lain tetap bebas menganut agama dan kepercayaan mereka.

"Tidak ada halangan bagi sesiapa untuk mengamalkan budaya mereka sendiri, jauh sekali penindasan terhadap mana-mana kaum. Kita bersyukur majoriti rakyat kita sentiasa bersikap sederhana dalam apa juga tindakan mereka. Rakyat sedar apa-apa tindakan yang berbentuk ekstrim tidak mendatangkan apa-apa kebaikan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun masyarakat Sikh merupakan minoriti di Malaysia tetapi pencapaian mereka dalam pelbagai bidang profesional amat dibanggakan dan ia jelas menunjukkan bahawa di Malaysia peluang untuk sesiapa pun mencapai kejayaan tidak terbatas, asalkan sanggup berusaha.

"Hari ini orang Sikh merayakan Hari Vasakhi bersama kaum lain dalam keadaan aman, damai dan gembira. Vasakhi adalah hari perayaan yang penting bagi penganut agama Sikh dan merupakan hari untuk mensucikan diri dan melakukan kebaikan untuk umat sejagat," katanya.

Beliau juga berharap semua kaum di negara ini turut sama memeriahkan perayaan itu supaya mereka (masyarakat Sikh) tidak merasa sebagai sebuah kaum minoriti.

-- BERNAMA

FA ZS PR